



KELANTAN ICT GATEWAY SDN BHD

DOKUMEN SEBUT HARGA

**KERJA-KERJA PENGAUDITAN INTEGRITI KESELAMATAN
MENARA DAN STRUKTUR SISTEM PEMANCAR
TELEKOMUNIKASI DAN STRUKTUR MENARA BERKAITAN
DI SELURUH NEGERI KELANTAN
(ZON UTARA 1- KOTA BHARU DAN BACHOK)**

NO. SEBUT HARGA: KIGSB (AT-ZU1) 01/2024

SENARAI LAMPIRAN

1. **Lampiran 1 : ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**
2. **Lampiran 2 : GARIS PANDUAN, SKOP KERJA AUDIT DAN SENARAI SEMAK KERJA**
3. **Lampiran 3 : BORANG SEBUT HARGA**
4. **Lampiran 3A : RINGKASAN SEBUT HARGA**
5. **Lampiran 4 : SURAT AKUAN SEBUT HARGA**
6. **Lampiran 5 : LATAR BELAKANG DAN PENGALAMAN PENYEBUT HARGA**
7. **Lampiran 6 : SURAT AKAUN PEMBIDA**

**ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA
(LAMPIRAN INI TIDAK PERLU DIKEMBALIKAN)**

1. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN BAGI PENYEBUT HARGA

- 1.1 Penyebutharga yang berdaftar dengan *Construction Industry Development Board Malaysia* (CIDB) dengan gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan dengan kerja Sebut Harga ini.
- 1.2 **Penyebutharga perlu mengemukakan sesalinan Sijil Pendaftaran** yang masih sah laku syarikat yang telah dilantik kepada KIGSB bagi tujuan pengesahan dan rekod. Pendaftaran dengan CIDB adalah merupakan jaminan ke atas Sebut Harga yang dikemukakan.

2. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN SEBUT HARGA

- 2.1 Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh Penyebut Harga.
 - 2.1.1 KIGSB tidak terikat untuk menyetujui terima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.
 - 2.1.2 KIGSB berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.
 - 2.1.3 Sekiranya terdapat apa-apa perkhidmatan/perkara di dalam **Lampiran 3 (Jadual Tawaran Harga)** yang tidak diletakkan harga, maka ia akan dianggap bahawa kos item atau perkhidmatan tersebut telah pun dimasukkan di lain-lain. **Sebarang tuntutan tambahan untuk perkhidmatan tersebut tidak akan dilayan.**
 - 2.1.4 Para 2.1.1 dan 2.1.2 di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak KIGSB untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.
 - 2.1.5 Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan mana-mana tawaran boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan pihak Pengurus Besar Kelantan ICT Gateway Sdn Bhd.
 - 2.1.6 Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan Penyebut Harga bersetuju tertakluk hanya kepada

bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

3. SKOP PERKHIDMATAN

- 3.1 Merangkumi kerja-kerja penyediaan awal, bekalan bahan dan peralatan, pengangkutan, kos tenaga buruh dan juga lain-lain kerja berkaitan.
- 3.2 Kerja-kerja audit ini termasuk kerja-kerja yang dinyatakan di dalam skop kerja audit dan yang berkaitan dengannya sahaja.
- 3.3 Kontraktor hendaklah sentiasa membuat penyelarasan dan khidmat nasihat dari Eksekutif Pemantauan dan Pematuhan KIGSB atau Pegawai Projek yang dilantik KIGSB.

4. GARIS PANDUAN DAN SKOP KERJA AUDIT

- 4.1 Garis Panduan, Skop Kerja Audit dan Senarai Semak Kerja Audit adalah seperti di **Lampiran 2 (Perihal Kerja dan Skop Audit)** adalah penting dan perlu dibaca, difahami dan diuruskan seperti mana yang diminta. Kegagalan memahami serta menguruskannya dengan tidak betul boleh mencacat dan menggagalkan tawaran pelawaan Sebut Harga.
- 4.2 Sebarang tuntutan berkenaan alasan ketidaktahuan (*plea of ignorance*) yang dibuat kemudian tidak akan dilayan.

5. ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR/PERUNDING YANG BERJAYA

- 5.1 Sentiasa mematuhi arahan penyelia di tapak kerja terutamanya dalam perkara kebersihan dan keselamatan.
- 5.2 Hendaklah menanggung rugi terhadap apa-apa tuntutan sekiranya ianya berlaku disebabkan atas kecuaiannya kontraktor/perunding semasa melaksanakan kerja-kerja berkenaan seperti kecederaan atau kematian mana-mana orang atau kerosakan terhadap apa-apa harta yang dipunyai oleh sesiapa pun.
- 5.3 Hendaklah menanggung rugi terhadap apa-apa tuntutan, kerugian, liabiliti, permintaan, tindakan, prosiding undang-undang, apa-apa kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh KIGSB berkenaan dengan apa-apa kecederaan, kematian atau kerosakan kepada mana-mana orang atau harta benda yang disebabkan oleh perbuatan, tinggalkan, atau kecuaiannya On Site Services kecuaiannya jika kematian atau kerosakan kepada mana-mana orang atau harta benda tersebut adalah disebabkan oleh perbuatan, tinggalkan atau kecuaiannya pihak KIGSB, atau wakilnya.

- 5.4 Kontraktor/perunding hendaklah memastikan semua pekerjaanya sentiasa mematuhi peraturan keselamatan dan disiplin serta hanya berada/ memasuki ruang kerja yang berkaitan sahaja.
- 5.5 Kontraktor/perunding yang berjaya adalah dikehendaki mengemukakan jadual perancangan kerja (jadual perbatuan) berdasarkan tempoh masa siap kerja yang ditawarkan dan mengemukakan kemajuan kerja berkaitan pada setiap minggu atau apabila sahaja ianya diminta oleh pegawai penyelia.
- 5.6 Kontraktor/perunding mestilah menyediakan Laporan Lengkap Audit setelah selesai kerja-kerja audit bagi sesebuah struktur menara/struktur pemancar dan laporan tersebut mestilah disahkan oleh seorang Jurutera Bertauliah dari pihak kontraktor/perunding dan seterusnya dikemukakan kepada pihak KIGSB dan diperakukan oleh Eksekutif Pemantauan dan Pematuhan KIGSB.
- 5.7 Jadual Bayaran ialah mengikut kesiapan kerja-kerja audit yang merangkumi dua (2) peringkat iaitu:
 - 5.7.1 Bayaran sebanyak 70 peratus selepas Laporan Lengkap Audit diserahkan kepada KIGSB
 - 5.7.2 Baki bayaran 30 peratus ialah selepas Laporan Lengkap Audit diperakukan oleh KIGSB setelah mengambil kira teguran jika ada.

6. PERATURAN MENGISI DAN MENGIRIM DOKUMEN

- 6.1 Semua dokumen hendaklah diisi dengan lengkap di ruangan yang ditentukan sama ada **ditaip atau ditulis dengan kemas dan terang. Maklumat yang tidak jelas akan menjejaskan tawaran yang dibuat.** Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, Penyebut Harga dibenarkan menaip atau menulis maklumat itu di dalam kertas tambahan.
- 6.2 Sebarang pindaan dan pembatalan di dalam dokumen hendaklah ditandatangani ringkas oleh Penyebut Harga dan diberi tarikh serta diletakkan cop syarikat.

7. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 7.1 Penyebutharga hanya dibenarkan mengemukakan **satu tawaran sahaja bagi setiap sebutharga.**
- 7.2 Dokumen Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan depan sampul tersebut dilabelkan pada bahagian atas sebelah kiri mengikut jenis kategori berikut:

- a. **Butiran Sebut Harga** sebagaimana **Lampiran 3 dan Lampiran 3A**. Butiran Sebut Harga mestilah dibuat dan diisi dalam Borang Sebut Harga bagi zon yang dinyatakan dalam tawaran.
 - b. **Kategori Maklumat Tambahan** yang mengandungi **Lampiran 5, Lampiran 6 dan sesalinan Sijil Pendaftaran yang sah laku (CIDB, SSM dan yang berkaitan)**
- 7.3 **Kedua-dua sampul** tersebut dimasukkan **dalam satu sampul** dan dituliskan di atas sampul surat berkenaan:

Sebut Harga Kerja-Kerja Pengauditan Integriti Keselamatan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi dan Struktur yang berkaitan di Negeri Kelantan. - No. Sebut Harga KIGSB (AT-ZU1) 01/2024

(Maklumat ini wajib diisi. Jika tidak, markah penilaian tawaran tuan akan terjejas).

- 7.4 Dokumen-dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri (*sealed*) dan ditanda dengan jelas seperti **arahan** pada para **7.2 dan 7.3**. Sampul surat hendaklah dihantar ke alamat:

**Pengurus Besar,
Kelantan ICT Gateway Sdn Bhd,
Tingkat 3, Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kelantan
Jalan Hamzah,
15050 Kota Bharu, Kelantan.**

- 7.5 Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang telah ditetapkan beralamat seperti di **para 7.4**
- 7.6 Tawaran Sebut Harga juga boleh dihantar melalui pos atau agensi penghantaran swasta. Bagaimanapun **KIGSB tidak akan bertanggungjawab** secara langsung atau tidak kepada sebarang kelewatan, kehilangan atau sebagainya terhadap tawaran Sebut Harga yang dihantar melalui pos atau agensi penghantaran swasta.
- 7.7 Pertimbangan Sebut Harga ini adalah berasaskan harga tawaran, pengalaman dalam bidang kerja yang serupa dan lain-lain faktor yang difikirkan sesuai. KIGSB tidak terikat untuk menawarkan kontrak kepada Penyebutharga yang menawarkan harga terendah.
- 7.8 Penyebutharga yang berjaya dikehendaki menyiapkan kerja mengikut spesifikasi, skop, dan dalam tempoh yang ditetapkan oleh KIGSB dari semasa ke semasa dengan merujuk Jadual Kerja yang dikemukakan dan dipersetujui bersama. Ganti Rugi Tertentu dan juga Ganti Rugi

Ditetapkan mengikut kadar yang akan ditentukan akan di kenakan kepada Penyebutharga yang gagal mematuhi perkara-perkara di atas.

8. **TARIKH TUTUP SEBUT HARGA**

Tarikh Tutup : 5 Disember 2024 (KHAMIS)
Masa : 12.00 tengah hari
No. Sebut Harga : KIGSB (AT-ZU1) 01/2024

9. **TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Semua tawaran harga yang ditawarkan di dalam dokumen Sebut Harga ini hendaklah sah dan tidak boleh ditarik balik dalam tempoh sekurang-kurangnya **120 hari** dari tarikh Sebut Harga ini ditutup.

10. **SETUJU TERIMA SEBUT HARGA**

10.1 KIGSB adalah berhak mempersetujui Sebut Harga sama ada kesemuanya atau sebahagiannya.

10.2 KIGSB tidak terikat mempersetujui Sebut Harga yang rendah sekali atau mana-mana Sebut Harga jua pun.

10.3 KIGSB akan memberi notis bertulis kepada Penyebut Harga yang berjaya apabila tawarannya dipersetujui. Notis ini boleh mengandungi syarat-syarat tawaran atau pengubahsuaian kepada syarat-syarat tawaran.

11. **KEPUTUSAN SEBUT HARGA ADALAH MUKTAMAD**

KIGSB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari Penyebut Harga. Keputusan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan Sebut Harga ini tidak akan dilayan.

12. **PERTANYAAN**

Pertanyaan mengenai Spesifikasi Sebut Harga boleh berhubung dengan pegawai **En. Nor Hisyamuddin Zakaria, Nombor Telefon 09 – 741 4370**

13. **KESIMPULAN**

Penyebutharga dinasihatkan supaya berhati-hati terutamanya semasa mengisi dokumen **Jadual Tawaran Harga (Lampiran 3 & Lampiran 3A), Latar Belakang Dan Pengalaman Penyebutharga (Lampiran 5), dan Senarai Maklumat Pengalaman Syarikat** dengan memberikan maklumat tambahan

yang diperlukan. Maklumat yang **TIDAK** lengkap akan menyebabkan **dokumen tawaran Sebut Harga tersebut ditolak.**

14. PENUTUP

Penyebutharga dinasihatkan agar memberi perhatian terhadap arahan-arahan yang terkandung di dalam dokumen pelawaan semasa mengisi dokumen-dokumen tawaran.

GARIS PANDUAN (SOP) KERJA-KERJA AUDIT

1. Insuran

- 1.1 Keselamatan pekerja kontraktor/perunding adalah di bawah tanggungjawab kontraktor/perunding. Sebarang kemalangan ketika bertugas adalah bukan menjadi liabiliti kepada KIGSB.
- 1.2 Kontraktor/perunding hendaklah mengambil insurans yang berkaitan untuk pekerja dan kerja-kerja yang terlibat bagi memastikan perlindungan menyeluruh terhadap sebarang risiko, kerugian, atau liabiliti yang mungkin timbul sepanjang pelaksanaan projek.

2. Permit Untuk Berkerja dan Peraturan Masuk /Keluar Tapak Kerja/Menara

- 2.1 Semua perunding yang dilantik hendaklah mengisi borang permit untuk berkerja termasuk dokumen/sijil 'WAH', 'CIDB/kad hijau' dan sijil-sijil berkaitan untuk kelulusan dari pihak Kelantan ICT Gateway Sdn Bhd (KIGSB).
- 2.2 Semua perunding diwajibkan untuk memaklumkan kepada pegawai KIGSB apabila sampai dan keluar di tapak kerja/menara dan pastikan semua pintu kabin, pintu pagar utama di buka/ditutup dengan keadaan baik bagi mengelakkan kejadian kecurian.
- 2.3 Perunding mesti memastikan "*safety briefing*" dibuat sebelum memulakan kerja-kerja pemeriksaan ditapak kerja/menara.
- 2.4 Sekiranya ada berlaku kejadian kecurian barang-barang di tapak kerja/menara, pihak perunding mestilah membuat laporan dengan kadar segera kepada pihak berkuasa/*tower owner* untuk tindakan selanjutnya.
- 2.5 Perunding mesti memastikan setiap perkerja memakai pakaian dan peralatan keselamatan yang telah termaktub didalam permit untuk berkerja bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku sepanjang kerja-kerja dijalankan contoh; tali pinggang keselamatan (*Full Body Harness*), Topi keselamatan (*Safety Helmet*), Kasut keselamatan (*Safety Boots*) dan yang sewaktu dengannya.

3. Keselamatan Pekerjaan

- 3.1 Kontraktor/Perunding dikehendaki menyediakan seorang Penyelia Keselamatan (*Safety Practitioner*) bagi tujuan keselamatan pekerja semasa kerja-kerja dijalankan.
- 3.2 Memastikan kerja yang memenuhi garis panduan "*Health, Safety and Environment Policy (HSE)*" serta menggunakan "*Personal Protective Equipment*" (PPE) seperti memakai Topi Keledar dan Tali Pinggang keselamatan (*Full Body Harness*), Kasut memanjat/keselamatan dan yang sewaktu dengannya. Topi Keledar hendaklah dipakai apabila berada di kawasan Menara untuk mengelakkan kecederaan kepada kepala sekiranya ada barang jatuh dari Menara. Tali Pinggang keselamatan (*Full Body Harness*) adalah untuk mengelakkan daripada terjatuh dari tempat tinggi. Kasut keselamatan akan melindungi dari cedera kaki apabila ada barang jatuh dan memberi cengkaman baik apabila memanjat.

4. Peraturan Pelaksanaan Kerja

- 4.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi semua skop kerja, senarai semak kerja audit dan arahan lisan dan/atau bertulis dari Eksekutif Pemantauan dan Pematuhan KIGSB.
- 4.2 Kerja-kerja hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:
 - 4.2.1 Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja
 - 4.2.2 Pihak Berkuasa Tempatan
 - 4.2.3 Jabatan Bomba dan Penyelamat
- 4.3 Semua kerja-kerja yang telah disiapkan hendaklah disahkan oleh Jurutera bertauliah dan diperakukan oleh Eksekutif Pemantauan dan Pematuhan KIGSB.

SKOP KERJA AUDIT

1. Struktur Asas

Ia meliputi pemeriksaan asas keadaan struktur melibatkan pemeriksaan kekarat struktur, pemeriksaan komponen-komponen, ukuran ketebalan besi menara, geometri, lapisan cat, kedudukan dan kestabilan struktur dan lain-lain yang berkaitan.

2. Peralatan dan Kapasiti Beban.

Kapasiti beban adalah meliputi bilangan peralatan dan aksesori yang dipasang di menara (antenna, microwave dan alatan berkaitan). Kedudukan dan keadaan peralatan mestilah berada dalam keadaan baik dan selamat. Sementara bilangan peralatan dan aksesori yang dipasang tidak melebihi kapasiti yang ditampung oleh sesebuah menara terutama bebanan bagi struktur di '*roof top*'.

3. Pemeriksaan Tapak dan Konkrit (*Base Foundation*)

Ia meliputi keadaan tapak menara dan keadaan struktur sokongan bagi mengenalpasti unsur-unsur atau elemen kerosakan dan gangguan seperti kerekahan, pecah, retak dan sebagainya. Keadaan tapak dan tanah di sekeliling tapak mesti tiada tempat air bertakung dan saliran di sekeliling tapak berada dalam keadaan sempurna. Lain-lain isu ialah seperti '*bolt & nut*' berada dalam baik dan kukuh.

4. Keadaan Persekitaran (Pagar Keselamatan, *Signage & Aviation Light*)

Ia merangkumi pemeriksaan keadaan sekeliling terutama pagar, longkang, papan tanda, lanskap, keadaan lantai dan bumbung (bocor atau *cracking*) '*aviation light*', kekemasan di dalam kawasan menara yang perlu berada dalam keadaan baik, bersih dan terjaga serta cerun di sekitar kaki menara. Kawasan mesti dijaga dan bebas daripada unsur-unsur *vandalisme* dan

sentiasa selamat daripada pencerobohan. Papan Notis Maklumat Asas mengenai struktur menara yang mengandungi kelulusan PBT, daftar pemilik dan lesen kebenaran berkaitan mestilah disediakan dan dipamerkan secara jelas di setiap struktur menara.

5. Kabel Sokongan dan Pendawaian

Ia merangkumi pemeriksaan kabel sokongan dan pendawaian bagi memastikan semua kabel berkaitan dalam keadaan sempurna dan tidak mengalami kerosakan. Ini termasuklah pendawaian bumi dan

LAMPIRAN 3A

**SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENGAUDITAN INTEGRITI KESELAMATAN
MENARA DAN STRUKTUR SISTEM PEMANCAR TELEKOMUNIKASI DAN
STRUKTUR YANG BERKAITAN DI NEGERI KELANTAN**

RINGKASAN SEBUT HARGA

Bil.	Item	Bil. Menara/ Struktur	Jumlah Tawaran (RM) / Unit
A1	Kerja-Kerja Pengauditan Integriti Keselamatan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi di Negeri Kelantan – Zon Utara 1 (Kota Bharu & Bachok)	1 - 100	
	Kerja-kerja audit menara dan struktur sebagaimana skop yang dinyatakan termasuk Laporan Analisis Integriti Struktur (Tower Structural Integrity Assesment Report)		
	HARGA TAWARAN KESELURUHAN (RM)		

*Sila nyatakan tawaran harga per unit

Harga Tawaran : Ringgit Malaysia

_____ sahaja.

Tempoh pelaksanaan projek boleh mula dilaksanakan : hari
(selepas surat setuju terima dari pihak KIGSB ditandatangani)

TANDATANGAN :

NAMA :

JAWATAN :

COP SYARIKAT :

SURAT AKUAN SEBUT HARGA

Pengurus Besar,
Kelantan ICT Gateway Sdn Bhd,
L3.07, Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kelantan,
Lot 378, Seksyen 16, Jalan Hamzah
15050 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim.

Tuan,

NO. SEBUT HARGA : KIGSB (AT-ZU1) 01/2024

SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENGAUDITAN INTEGRITI KESELAMATAN MENARA DAN STRUKTUR SISTEM PEMANCAR TELEKOMUNIKASI DAN STRUKTUR MENARA BERKAITAN DI SELURUH NEGERI KELANTAN (ZON UTARA 1).

Saya/kami yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengemukakan tawaran bagi perkhidmatan yang ditawarkan dengan harga yang telah ditentukan di dalam **Lampiran 3**. Tawaran ini mempunyai **sah laku untuk tempoh seratus dua puluh puluh (120) hari** dari tarikh Sebut Harga ini ditutup.

2. Saya/kami yang bertandatangan di bawah ini bersetuju sepenuhnya :
 - a) Bahawa tawaran ini akan dijadikan asas oleh Kelantan ICT Gateway untuk penerimaan tawaran kami;
 - b) Bahawa Kelantan ICT Gateway tidak terikat untuk menerima Sebut Harga dengan harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga;
 - c) Bahawa Kelantan ICT Gateway berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian tawaran Penyebutharga mengikut pakej atau menerima tawaran yang sama lebih daripada satu Penyebutharga;
 - d) Bahawa keputusan Lembaga Sebut Harga KIGSB adalah muktamad;
 - e) Bahawa Surat Akuan Sebut Harga ini berserta dengan Surat Setuju Terima hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak yang mengikat antara KIGSB dan Penyebutharga;
 - f) Bahawa sekiranya kami menolak tawaran ini atau jika maklumat yang diberikan adalah palsu, KIGSB boleh menarik balik penganugerahan Sebut Harga yang diberikan kepada dan membawa kes ini ke Mahkamah; dan
 - g) Bahawa kami akan mematuhi segala syarat – syarat seperti mana yang dinyatakan di dalam dokumen ini.

Bagi pihak Penyebutharga

Tandatangan Penyebutharga : _____
Nama Penuh : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Alamat / Cap Syarikat : _____

Di hadapan :

Tandatangan Saksi : _____
Nama Penuh Saksi : _____
No. Kad Pengenalan Saksi : _____
Alamat : _____

LATAR BELAKANG PENYEBUTHARGA

1. Nama Syarikat : _____
- 1.1 Alamat Pejabat : _____

- 1.2 No. Telefon : _____
- 1.3 No. Faks : _____
- 1.4 No. Pendaftaran Syarikat : _____
- 1.6 Status Bumiputera / Bukan Bumiputera (sertakan salinan sijil) : _____
2. Modal Dibenarkan : RM _____
- Modal Berbayar : RM _____
3. Kedudukan Kewangan:
- 3.1 Kemudahan Pinjaman Dimiliki : RM _____
- 3.2 Nilai Aset Semasa : RM _____
- 3.3 Nilai Liabiliti Semasa : RM _____
4. Profil Syarikat :
- (i) Pengarah :

Bil.	Nama

(ii) Pemegang Saham :

Bil.	Nama	Peratus Pegangan Saham (%)

(ii) Pekerja :

Bil.	Kategori Jawatan	Bilangan Orang
1	Pengurusan	
2	Profesional	
3	Kakitangan	

5. Senaraikan pengalaman Syarikat dalam Sebut Harga ini sahaja (Contoh dalam tahun 2016, 2017 dan 2018). Boleh gunakan kertas tambahan jika ruangan tidak mencukupi dan nyatakan tiada pengalaman sekiranya tiada diruang di bawah

(i) Kerajaan :

Bil.	Nama Projek / Perolehan	Kementerian / Jabatan / Syarikat yang dibekalkan	Nilai (RM)	Tempoh Kontrak	Nama Pegawai & No. Tel. Pegawai / Agensi untuk dirujuk
1					
2					
3					
4					
5					

(ii) Swasta :

Bil.	Nama Projek / Perolehan	Kementerian / Jabatan / Syarikat yang dibekalkan	Nilai (RM)	Tarikh / Tempoh / Tahun Perkhidmatan	Nama Pegawai & No. Tel. Pegawai / Agensi untuk dirujuk
1					
2					
3					
4					
5					

6. Sila lampirkan Penyata Bank untuk **3 bulan terkini**.

6.1 Baki akaun bank tertinggi : RM _____

6.2 Baki akaun bank terendah : RM _____

Nama : _____ (Tandatangan)

Tarikh : _____

Cop Syarikat:

F. PERAKUAN

Saya/kami mengaku bahawa segala maklumat yang dikemukakan di atas adalah benar. Saya juga menyedari sekiranya didapati maklumat-maklumat yang diberikan ini adalah palsu atau tidak benar, maka Kerajaan boleh mengambil apa-apa tindakan terhadap saya dan Syarikat yang saya wakili di bawah apa-apa undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Tandatangan : _____

Nama Penyebutharga : _____

Nombor Kad Pengenalan : _____

Tarikh : _____

Cap Syarikat :

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi
(Tajuk dan Nombor Tender/Sebut Harga)

.....

Saya, nombor K.P.

yang mewakili.....

nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No.KP)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.

KELANTAN ICT GATEWAY SDN BHD
 HARGA BAGI BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN

(Manual Autoriti Korporat Bagi Tadbir Urus Syarikat Kumpulan 2016)

SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENGAUDITAN INTEGRITI KESELAMATAN MENARA DAN STRUKTUR SISTEM PEMANCAR TELEKOMUNIKASI DAN STRUKTUR YANG BERKAITAN DI NEGERI KELANTAN (ZON UTARA 1)

Bila menjawab sila nyatakan nombor ini Sebut Harga No: KIGSB (AT-ZU1) 01/2024

Pelawaan Sebut Harga di keluarkan oleh;
KELANTAN ICT GATEWAY SDN BHD

1. Sila beri Sebut Harga bagi bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Syarat-syarat Serahan. **SIAP DAN SEMPURNA**
3. Tarikh dikehendaki Diserahkan/Disempurnakan: **14 hari dari tarikh Sebut Harga diiklankan**
4. Pengiriman **PETI SEBUTHARGA, KELANTAN ICT GATEWAY SDN BHD, TINGKAT 3, PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) KELANTAN, JALAN HAMZAH, 15050 KOTA BHARU, KELANTAN.**
5. Pembayaran **SIAP DAN SEMPURNA**
6. Sebut Harga mestilah sampai ke alamat di atas tidak lewat daripada jam: **12.00 tengahari** pada **05 Disember 2024** dan hendaklah sah selama **120 hari** selepas itu
7. Sebut Harga mestilah dimasukkan dalam suatu sampul surat berlakri yang ditanda Sebut Harga No.

Tandatangan & Jawatan:


MOHD ROSLAN BIN MOHD ZAIN
PENGURUS BESAR KIGSB

Tarikh:

Butiran No.	Perihal Barang-barang/Perkhidmatan dan syarat-syarat Khas	Kuantiti	Kadar/Unit	Amaun
1.	<p>KERJA-KERJA PENGAUDITAN INTEGRITI KESELAMATAN MENARA DAN STRUKTUR SISTEM PEMANCAR TELEKOMUNIKASI DAN STRUKTUR YANG BERKAITAN DI NEGERI KELANTAN.</p> <p>- ZON UTARA 1 (KOTA BHARU DAN BACHOK)</p> <p>i. Kerja-kerja audit menara dan struktur sebagaimana skop yang dinyatakan termasuk Laporan Analisis Integriti Struktur (Tower Structural Integrity Assesment Report)</p> <p>NOTA Sila kemukakan salinan Lesen yang berkaitan yang dikeluarkan oleh CIDB.</p> <p>Diskaun</p> <p>Tarikh Serahan ditawarkan.....</p>	1 – 100		RM
			JUMLAH	RM

(Diskaun-diskaun perniagaan, tunai, bayaran cepat, dan diskaun-diskaun lain, dan apa-apa bayaran tambahan (misalnya cukai dan belanja membungkus) hendaklah ditunjukkan)

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas tertakluk kepada syarat-syarat berikut dan di belakang ini.

Tarikh:

Petender & Alamat

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di lain-lain tempat dalam pelawaan ini, syarat-syarat am berikut hendaklah dipakai melainkan setakat mana syarat-syarat itu boleh ditolak secara tertentu atau diubah oleh petender.

1. keadaan barang-barang – Semua barang-barang mestilah baharu dan belum diguna.
2. Diskaun – Tiap-tiap diskaun termasuk diskaun-diskaun perniagaan, tunai, dan bayaran-bayaran cepat yang diberi atas harga, mestilah ditunjukkan.
3. Bekalan Sebahagian – Sebut Harga boleh disampaikan bagi satu-satu benda atau bagi sebahagian kuantiti benda-benda itu.
4. Barang-barang Samanilai – Sebut Harga boleh disampaikan bagi barang-barang samanilai yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.
5. Setujuterimaan -
 - (i) Sebut Harga yang rendah sekali atau mana-mana Sebut Harga tidaklah semestinya disetujuterima.
 - (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai satu Sebut Harga yang berasingan.
6. Pemeriksaan -
 - (i) Kerajaan adalah berhak mengarahkan barang-barang itu di periksa atau diuji oleh seorang pegawai yang dilantiknyanya semasa ianya dibuat atau pada bila-bila masa yang lain sebelum diserahkan.
 - (ii) Penjual hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
7. Perakuan Mematuhi Penentuan – petender-petender adalah dikehendaki memperakui bahawa barang-barang perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau standard (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.
8. Penolakan -
 - (i) Barang-barang kualitinya rendah ataupun yang berlainan dari yang disetujuterima dalam Sebut Harga boleh ditolak
 - (ii) Apabila diminta penjual hendaklah memindahkan barang-barang yang ditolak itu atas risiko dan perbelanjaan sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan atas barang yang ditolak.
 - (iii) Fasa-kecil (i) dan (ii) di atas, adalah tanpa menyentuh apa-apa hak terhadap gantirosak kerana melanggar kontrak.
9. Pengiklanan- Tiada iklan mengenai setujuterimaan terhadap mana-mana tender boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain perantaraan iklan tanpa kelulusan terlebih dahulu dari Pengurus Besar Perbadanan.
10. Tafsiran Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada undang-undang Malaysia, dan penjual bersetuju patuh kepada bidangkuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia dalam apa-apa jenis pertikaian atau perselisihan yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.
11. Insuran- Tiada apa-apa insuran atas barang-barang dalam perjalanan dari negeri pembekal atau dalam Malaysia boleh dimasukkan dalam Sebut Harga.

(INGATAN – Syarat-syarat No. 1 hingga 11 di atas adalah dipakai bagi semua Sebut Harga)

BARANG-BARANG EK STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. Cukai – Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk cukai berkenaan.
13. Pembungkusan -
 - (i) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diartikan sebagai termasuk belanja pembungkus dan membungkus.
 - (ii) Apa-apa kehilangan atau kerosakan akibat pembungkus atau pembungkusan yang tidak cukup atau cacat, hendaklah diganti oleh penjual.
14. Pengenalan – Jika berkenaan, nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri atau tempat asal barang-barang itu hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG YANG DIINDEN DARI LUAR MALAYSIA

15. Cukai – Harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai. Jenis-jenis cukai hendaklah ditunjukkan terasingan dalam Sebut Harga.
16. Matawang- Sebut Harga hendaklah dinyatakan dalam ringgit Malaysia.
17. Punca Bekalan – Jika barang-barang tidak diberi terus dari pengilang, Sebut Harga mestilah menyatakan nama dan alamat tempat-beli yang melaluinya barang-barang itu akan dibeli.
18. Pembungkusan -
 - (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk diekspot ke Malaysia melainkan jika mengikut kelaziman perdagangan barang-barang itu diekspot dengan tidak dibungkus.
 - (ii) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja pembungkus dan membungkus.
 - (iii) Apa-apa kehilangan atau kerosakan akibat dari pembungkus atau pembungkusan yang tidak cukup atau cacat hendaklah diganti oleh penjual.